

UMS Mampu Jana Pengkomersilan Batik Etnik Sabah

Oleh Arlinah Wellis



Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama dengan Olumis Borneo Batik House iaitu sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan batik etnik Sabah untuk menghasilkan produk motif batik etnik Sabah yang lebih menarik untuk dikomersialkan pada masa akan datang. Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon menyatakan bahawa selain reka bentuk dan inovasi, dalam kerjasama tersebut, UMS akan turut menyediakan kepakaran penyelidikan dalam bidang perakaunan, pemasaran dan pelancongan kepada Olumis Borneo Batik House. Justeru, satu Memorandum Perjanjian (MoA) untuk mewujudkan buku bertajuk 'coffe-table' bagi memperkenalkan motif-motif etnik Sabah termasuk pengertian warisan budaya telah dipersetujui.

Pada majlis itu, UMS juga menandatangani memorandum kesefahaman (MoU) dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Minat terhadap produk batik dalam kalangan peniaga dan pengguna masih di tahap yang rendah di negeri ini. Namun, pemilik Olumis Borneo Batik House yakin dengan kerjasama ini akan dapat memberikan ruang dan potensi kepada syarikat tersebut untuk berkembang. Manakala MoU antara UMS dengan NOD dan MOSTI adalah kerjasama penyelidikan mengenai usaha melindungi dan mengurus sumber warisan laut Sabah.